

Headline	Solat bezakan Muslim atau kafir	Language	MALAY
Date	05. Aug 2008	Page No	10,11
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	1498 cm ²
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	21111.47



Solat bezakan Muslim atau kafir

Ragam & Pengajaran

Oleh W. RAHIMAH DRAMAN

MASIH ramai Muslim yang menganggap remeh pada amalan solat lima waktu sehari semalam.

Malah banyak yang bukan sahaja mengabaikannya tetapi bersikap sinis terhadap rukun Islam kedua selepas syahadah, yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang mukalaf itu.

Sama ada di kalangan pemimpin, ahli korporat, akademik, profesional, pentadbir dan pelajar yang berilmu, apa lagi golongan biasa yang sederhana dan kurang ilmu, kefarduan solat, rukun serta hukum meninggalkannya tetap sama.

Sebahnya, solat adalah amal ibadah yang pertama sekali akan dihisab apabila manusia dihidupkan kembali untuk melalui kehidupan kekal di akhirat, selepas berlaku hari kiamat.

Jika amalan solat yang diibaratkan tiang tidak ditegakkan, mana mungkin akan melekat amalan-amalan maaf atau terdirinya komponen-komponen binaan yang lain.

Solat, sembahyang atau solah juga merupakan mukjizat yang tersurat iaitu dapat dilihat (melalui perbuatan untuk diamalkan) sebagaimana al-Quran (melalui huruf-huruf, kalimah dan mushaf untuk dibaca dan diamalkan) yang hanya diterima oleh Nabi Muhammad SAW daripada Allah SWT untuk seluruh manusia.

Jika al-Quran adalah mukjizat yang diwahyukan secara berperingkat-peringkat melalui perantara Jibril di bumi, tetapi solat diterima terus oleh Rasulullah daripada Allah SWT di Sidratul Muntaha semasa Mikraj ke langit dalam peristiwa Israk Mikraj yang baru sahaja diraikan oleh Muslim pada setiap 27 Rejab.

Harus diingat, amalan solat lima waktu sehari semalam itu juga adalah pembeza sama ada seseorang itu Muslim atau kafir. Jadi, jangan diabaikannya.

Terlalu banyak perkataan, suruhan, ajakan, ganjaran dan peringatan mengenai solat yang tertera dalam al-Quran. Antara lain Allah SWT berfirman dalam marfhum Nya;

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu Al Kitab (Al Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar



SEBAHAGIAN peserta yang terdiri daripada kaum wanita khusuk mendengarkan taklimat panel Seminar Keajaiban al-Quran dan Sains di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Gambar HARUN OSMAN

(keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Al-Ankabut: 45)

Maka apabila kamu telah menyelesaikan solat (mu), ingatlah Allah di waktu berdiri, di waktu duduk dan di waktu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa aman, maka dirikanlah solat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman. (An-Nissa': 103)

Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka (mereka itu) adalah saudara-saudara mu seagama. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi kaum yang mengetahui. (At-Taubah: 11)

Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang

beriman kepada Allah dan Hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk. (At-Taubah: 18)

Dan dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat, dan taatlah kepada rasul, supaya kamu diberi rahmat. (An-Nur: 56)

Headline **Solat bezakan Muslim atau kafir**
Date **05. Aug 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**



**DR. MOHAMAD KHAZANI
ABDULLAH**

Jadi wajah untuk kita mendabik dada sebagai Muslim jika rukun paling utama sebagai pengikut Islam pun tidak kita laksanakan?

Itu bab melengkapkan perlaksanaan solat lima waktu sehari semalam. Bagaimana pula dengan kekhusukan dan ketepatan waktu dalam mengerjakan ibadah tuggak keislaman itu.

Kemungkaran

"Jarang dari kita yang memberi fokus sepenuhnya dalam amalan solat yang dikerjakan. Sebab itulah bermacam kemungkaran dan masalah berlaku meskipun solat dilaksanakan," kata Pengarah dan Ketua Pegawai Teknologi Significant Teknologi Sdn. Bhd., Profesor Dr. Mohamad Khazani Abdullah.

Menurut matan pensyarah sains fizik dan Timbalan Dekan Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, setiap sesuatu perkara yang dilakukan mestilah mempunyai fokus yang jitu.

Ini kerana katanya, tidak akan terkesan dan berjaya sesuatu amal perbuatan yang dilaksanakan jika ia dibuat secara sambil lewa.

"Setiap rukun dan syarat sebelum dan semasa mengerjakan solat ada sebab dan hikmah yang tersendiri.

"Kesan terhadap solat yang khusuk dan memberi fokus sepenuhnya akan memberi impak besar pada fizikal, spiritual, psikologi dan kesihatan hidup seharian seseorang," katanya.

Bagaimanapun kesedaran Muslim terhadap kepentingan dan hikmah dalam ibadah solat masih terlalu

kurang, kata Dr. Mohamad Khazani.

Beliau yang juga matan Ketua Makmal Optik Telekom Malaysia dan pensyarah sains fizik di Fakulti Kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata demikian ketika memperkatakan mengenai 'Solat, anugerah hebat dari Allah' pada seminar Keajaiban al-Quran dan sains kelolaan Masjid Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di dewan syarahan Masjid Negara baru-baru ini.

Katanya, kejayaan dan kebahagiaan adalah matlamat hidup setiap insan yang mampu dicapai oleh setiap yang normal.

"Tetapi tidak semua kejayaan dan kebahagiaan yang diraih mampu memberi kegembiraan, kepuasan dan ketenangan dalam kehidupan," ujarnya.

Sebaliknya katanya, ramai manusia yang berjaya tetapi diselubungi ketakutan, kebimbangan, kekecewaan dan kesedihan.

Ini kerana kata Dr. Mohammad Khazani, kejayaan hanyalah matlamat manakala kebahagiaan merupakan proses melalui jalan dan hasil yang berbagai-bagai.

"Di sinilah

pentingnya solat dan kehkusukan ketika beramal bagi membentuk insan yang penyabar, berdisiplin, terfokus dan sihat yang berjaya dan bahagia," katanya.

Menurut Dr. Mohamad Khazani lagi, kehebatan solat yang khusus setanding dengan tahap kelajuan cahaya yang mencapai 300,000 meter sesaat.

Jika itu dapat dicapai tambah beliau, masyarakat Islam tidak perlu menggunakan kepakaran kafir untuk meraih kejayaan dan menangani permasalahan.

Headline

Solat bezakan Muslim atau kafir

Date

05. Aug 2008

Media Title

Utusan Malaysia

Sebaliknya tegas beliau, Islam dan Muslimlah yang akan menjadi sumber rujukan dan bantuan kaum kafir untuk mentadbir dan menguruskan alam semesta.

Itulah yang telah dilaku dan tunjukkan oleh Rasulullah SAW, para Sahabat serta ahli tabib silam dan pejuang moden Islam, Salahuddin Al-Ayuubi satu ketika dahulu, ujarnya.

Menurutnya, tidak ada sebab untuk Islam dinya diperserang dan menjadi Islamofobia jika seluruh Muslim melaksanakan solat dan khusyuk dalam amalannya.

Sebab itu tegas beliau, pentingnya bagi setiap Muslim kembali menjadikan solat sebahagian dari kehidupan harian di samping menyempurnakan amalan ibadah fardhu lain.

Malah katanya, selagi solat lima waktu sehari semalam mengikut ketetapan diaibaikan serta tidak khusyuk, jangan harap untuk menikmati kepuasan dan ketenangan dari kejayaan yang dicapai.

Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam marhumnya:

Apakah kamu tiada mengetahui, bahwa kepada Allah bersujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohonan, binatang-binatang yang melata dan sebagaimana besar daripada manusia? Dan banyak di antara manusia yang telah ditetapkan azab atasnya. Dan barang siapa yang dihinakan Allah maka tidak seorang pun yang memuliakannya. Sesungguhnya Allah berbuat apa yang Dia kehendaki.”


Kehebatan solat yang khusyuk setanding dengan tahap kelajuan cahaya yang mencapai 300,000 meter sesaat.

“Hai orang-orang yang beriman, ruku’ lah kamu, sujud lah kamu, sembah lah Tuhan mu dan perbuatlah kebijakan, supaya kamu mendapat kemanagan. (Al-Hajj:18 dan 77)

Peliharalah semua solat (mu), dan (peliharalah) solat wusthaa [Shalat wusthaa ialah shalat yang di tengah-tengah dan yang paling utama. Ada yang berpendapat bahwa yang dimaksud dengan solat wusthaa ialah solat Ashar. Menurut kebanyakan ahli hadis, ayat ini menekankan agar semua solat itu dikerjakan dengan sebaik-baiknya]. Berdirilah untuk Allah (dalam solat mu) dengan khusyuk.

“Jika kamu dalam keadaan takut (bahaya), maka solat sambil berjalan atau berkenderaan. Kemudian apabila kamu telah aman, maka sebutlah Allah (solat lah), sebagaimana Allah telah mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui. (Al-Baqarah: 238-239)

Dan perintahkanlah kepada keluarga mu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kami lah yang memberi rezeki kepadamu. Dan akibat (yang baik) itu adalah bagi orang yang bertakwa. (Thaha: 132)



SOLAT yang khusyuk memberi impak setanding dengan tahap kelajuan cahaya.
- Gambar hiasan

Cinta abadi

Kalamullah

(WALAUUPUN demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain daripada Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaati) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang yang melakukan kezaliman (syirk) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya, (nesanya mereka tidak melakukan kezaliman itu)

(al-Baqarah: 165)

Huraian

Maha Suci Allah Dialah Tuhan Yang Satu dan wajib disembah Tuhan seluruh alam. Yang menghidup dan mematikan. Namun di kalangan manusia masih ada menyembah selain dari Allah yang berlaku secara langsung atau tidak langsung. Menyembah patung-patung, pokok, binatang-binatang dan seumpamanya boleh dikategorikan sebagai syirk.

Namun tanpa disedari telah berlaku syirk apabila seseorang itu boleh mencintai sesuatu melebihi cintanya kepada Allah. Contohnya mencintai harta benda, anak-anak dan apa yang ada sekitar lebih dari cintanya kepada Allah. Tumpumannya kepada harta benda,

anak-anak dan perhiasan menyebabkan ia lalai menjadi hamba Allah tetapi telah menjadi hamba dunia.

Orang beriman sangat mencintai Allah. Cintanya kepada Allah tanpa kompromi, tanpa batasan dan tanpa syarat. Mencintai Allah jiwanya menjadi tenang dan damai. Allah mencintai hambanya yang mencintainya. Ini berbeza dengan cinta manusia kepada harta atau manusia. Cinta jenis ini banyak yang menyebabkan manusia menderita. Oleh itu cintakan Allah sebagai cinta agung dan abadi.

Orang yang mencintai selain Allah dianggap sebagai menzalimi diri sendiri, kerana cintanya kepada harta benda dan apa sahaja di dunia menyebabkan dia lalai dan lupa untuk menjadi hamba Allah. Dia menjadi lalai, sombang dan kejam contohnya Qarun yang telah ditenggelamkan oleh Allah dengan hartanya sekali. Allah memberi amaran bahawa kekuasaan dan kekuatan itu adalah milik-Nya semata-mataanya dan azab sekannya amat berat bagi sesiapa yang mengambil Tuhan selain dari-Nya.

Kesimpulan

Jauhilah perbuatan menyekutukan Allah SWT. Sembahlah Allah, kerana hanya Dia yang berhak disembah. Tiada Tuhan lain selain Dia. Puja dan cintalah Allah kerana Allah membalias cinta orang yang mencintainya. Jauhilah perbuatan syirk dan menzalimi diri sendiri kerana ia boleh mengundang kemurkaan dan azab seksa yang pedih dari Allah SWT.

- Disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

Doa agar tergolong orang beriman

Fadilat Amal

WAHAI Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engku turunkan, dan kami mengikuti Rasul-Mu. Oleh itu masukkanlah kami berserta orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui keesaan-Mu dan kebenaran Rasul-Mu). (Ali-Imran: 53).

Keterangan ayat

Ibn Jarir mengatakan bahawa apabila Nabi Isa a.s. dikepung bersama 19 pengikutnya daripada kalangan al-Hawariyyin di Baitul Maqdis. Maka Nabi Isa telah berbakti kepada pengikutnya:

“Siapakah yang akan mengambil wajahnya untuk dibunuh oleh musuh. Sebagai balasannya, Allah akan memberikan kepadanya surga.” Maka seorang daripada mereka menerima lalu Allah mengangkat Nabi Isa ke langit. (tafsir Ibn Jarir, tafsir ayat 53, surah Ali-Imran).

“Masukkanlah kami berserta

orang-orang yang menjadi saksi” bermaksud bersama Nabi Muhammad SAW dan umat baginda (tafsir al-Fakhruzzai, tafsir ayat 53, surah Ali-Imran).

Jika Nabi Isa a.s. yang mulai memohon tersenarai sebagai umat Nabi Muhammad SAW, alangkah malunya kita jika tidak memohon mendapatkan kemuliaan itu.

Khasiat dan kaifiyat beramal

Amalkanlah membaca doa ini untuk dibangkitkan dalam rombongan Nabi Muhammad SAW pada hari akhirat kelak. Antara kelebihannya ialah jika diucapkan selepas solat sebelum berkata-kata dengan sesiapa, maka Allah SWT akan memasukkannya dalam doa setiap makhluk-Nya di laut dan daratan. (tafsir al-Fakhruzzai, tafsir ayat 53, surah Ali-Imran).

- Petikan daripada buku 101 Doa Para Nabi & Rasul Dalam Al-Quran: Khasiat & Kaifiyat Beramal terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd